



SIARAN AKHBAR


KEMENTERIAN KESIHATAN

KENYATAAN MEDIA COVID-19


NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

21 Rabiulawal 1444 / 17 Oktober 2022

- I. Dalam masa satu minggu kebelakangan ini, jumlah kes COVID-19 yang dilaporkan di Negara Brunei Darussalam menunjukkan peningkatan di mana kadar purata harian kes pada minggu lepas ialah 388 kes sehari, berbanding dengan 307 kes sehari pada minggu sebelumnya. Sebanyak 40,321 keputusan ujian ART telah dimuatnaik ke aplikasi *BruHealth* dalam masa satu minggu di mana 6.7% daripadanya adalah keputusan ujian ART yang positif.




Jumlah kes COVID-19 yang telah dilaporkan di Negara Brunei Darussalam sejak Februari 2022



Jumlah kes COVID-19 satu minggu kebelakangan berbanding dengan minggu sebelumnya

- i) Pada hari ini, **tidak ada kes** di dalam Kategori 4 dan 5 iaitu mereka yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU) atau memerlukan bantuan oksigen.
 - ii) Sehingga kelmarin, 16 Oktober 2022, kadar liputan vaksinasi COVID-19 di Negara Brunei Darussalam kekal berada di tahap yang tinggi dengan **78.6%** daripada keseluruhan rakyat dan penduduk negara ini telah mendapatkan dos ketiga vaksin dan **10.7%** juga telah mendapatkan dos keempat.
2. Pada hari ini, sebanyak **417 kes baru** telah dilaporkan iaitu 414 kes hasil ujian ART dan 3 kes adalah hasil dari 123 ujian makmal RT-PCR yang telah dilakukan dalam masa 24 jam yang lalu.
3. Sementara itu, pemantauan epidemiologi mendapati jumlah kes *Influenza* dan jangkitan serupa *Influenza* (*Influenza-like Illness, ILI*) menunjukkan peningkatan pada minggu lepas di mana jumlah kes Influenza pada minggu

lalu ialah sebanyak 8033 kes. Jumlah ini melebihi jumlah kes pada bulan Februari hingga Mac dan Jun hingga Julai pada tahun ini iaitu di antara 5,000-6,000 kes seminggu. Orang ramai adalah diingatkan untuk terus berwaspada dan mengambil langkah-langkah pencehagan seperti mengasingkan diri jika mengalami tanda-tanda jangkitan dan mengelakkan dari tempat-tempat yang penuh sesak. Segera berjumpa doktor jika tanda-tanda jangkitan berterusan atau semakin teruk. Dapatkan suntikan Influenza, khususnya bagi mereka yang berumur 60 tahun ke atas dan mereka yang mempunyai masalah-masalah kesihatan.



Tren ILI dari minggu 1 hingga minggu 41

4. Semoga Negara Brunei Darussalam berserta seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa terpelihara dari segala bencana dan wabak penyakit serta berada di dalam perlindungan Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua. Aamiin Aaminn Ya Rabbalalamin.

- TAMAT -

Rujukan : KK/PR/2
Tarikh : 21 Rabiulawal 1444H / 17 Oktober 2022